



جابتن حال إحوال إكلام إسلام قولوا فينخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH  
**BIAR BERAKHIR  
DI LEMBAH MADYAN**



Tarikh Bacaan:  
**14 NOVEMBER 2025M / 23 JAMADILAWWAL 1447H**

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM  
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
PULAU PINANG

***Jawatankuasa  
Panel Semakan Teks Khutbah  
Negeri Pulau Pinang***

---

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**  
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**  
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,  
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**  
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



## Biar Berakhir di Lembah Madyan

14 November 2025M/ 23 Jamadil Awwal 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ  
تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ﴿٥١﴾

سورة النساء

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ  
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ  
تُفْلِحُونَ.

### SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat rahmat dan keberkatan hidup di dunia dan di akhirat.

Khatib juga mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan. Elakkan diri dari melakukan perkara yang boleh memisahkan fokus daripada isi

kandungan khutbah. Mimbar muncul dengan tajuk “**Biar Berakhir di Lembah Madyan.**”

### **SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,**

Perniagaan dalam talian atau e-dagang mula mendapat tempat dalam kalangan masyarakat terutamanya ketika pandemik melanda negara. Pelbagai syarikat mula mencuba nasib untuk menjual produk mereka secara dalam talian. Namun, kenyataan yang agak meresahkan kita ialah, laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman iaitu sejumlah RM62 juta nilai kerugian direkodkan akibat penipuan pembelian dalam talian sehingga Disember 2024.

Kebelakangan ini, penipuan perniagaan dalam talian semakin berleluasa. Sikap mangsa yang mudah terpedaya dan gelap mata dengan harga murah yang ditawarkan melalui iklan di media sosial menjadi antara punca utama. Keghairahan membeli tanpa disulami sikap berhati-hati menyebabkan kebanyakan mangsa mudah terjerat. Ketagihan peniaga menipu dengan menjual produk yang kononnya diimport dan produk serta keperluan harian yang tidak wujud dalam talian palsu juga semakin membimbangkan.

Islam tidak pernah menyekat peluang untuk mencari rezeki yang halal bahkan ia merupakan ibadah yang sangat dituntut. Namun, Islam sangat menitikberatkan isu kebajikan yang berkaitan dengan *maqasid syariah* iaitu *hifz al-mal* (menjaga harta). Bukankah Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** telah memperincikan larangan ini melalui firman-Nya yang dibacakan di awal khutbah tadi maksudnya:

*“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu. Dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa mengasihani kamu.”* (Surah an-Nisa’ ayat 29)

### **MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**

Antara teknik licik penipuan melalui e-dagang ialah:

**Pertama:** Membuat testimoni palsu semata-mata mengaburi pelanggan, terutamanya dalam industri makanan.

**Kedua:** Mengeksploitasi wanita sebagai model dan sanggup merendahkan maruah sebagai seorang Muslimah untuk melariskan produk kesihatan dan kecantikan.

**Ketiga:** Memperdaya pelanggan dengan poster dan iklan perniagaan yang indah khabar daripada rupa.

**Keempat:** Kaedah pemasaran menggunakan teknologi kecerdasan buatan (A.I) yang disalahgunakan (*deepfake*).

Hal ini mengingatkan kita kepada sebuah hadis daripada Abu Hurairah رضي الله عنه yang meriwayatkan peristiwa teguran Baginda kepada seorang lelaki yang cuba memperdaya pelanggan dengan strategi pemasaran palsu. Sabda Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

**مَنْ عَشَّ فَلَيْسَ مِنِّي**

**Maksudnya:** “Sesiapa yang menipu maka dia bukan daripada kalanganku.” (Hadis riwayat Muslim dan at-Tirmizi)

### **MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**

Lembaran al-Quran juga mengingatkan kita pada kedegilan kaum Madyan. Mereka merupakan bangsa yang terkenal dengan sikap tidak jujur ketika berniaga dan berdagang. Gemar mengurangkan timbangan dan sukatan agar memperoleh keuntungan berganda. Peringatan Nabi Syuaib عَلَيْهِ السَّلَامُ tidak pernah dipedulikan, bahkan diherdik dan dihina. Akhirnya, mereka dimusnahkan dengan gegaran gempa yang sangat dahsyat.

Kisah ini bukan hanya peringatan untuk Lembah Madyan, bahkan juga kepada peniaga yang suka mengambil kesempatan. Menipu dalam jualan berpaksi kepada wang dan keuntungan. Kerakusan mencari mangsa sehingga sirna iman dan ketakwaan. Kabur pandangan dengan kekayaan palsu dan kesenangan dunia. Biarlah azab dan kemusnahan itu berakhir di Lembah Madyan, usah biar ia berulang kepada generasi hadapan. **Hentikan penipuan! Hentikan pendustaan dalam perniagaan.**

### **SIDANG JUMAAT YANG DIBERKATI ALLAH,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, tiga pesanan utama mimbar:

**Pertama:** Perniagaan adalah usaha murni mencari rezeki, usah dicemari dengan tipu daya dan kepalsuan.

**Kedua:** Sebagai pengguna, ketahuilah hak dan peranan agar tidak mudah menjadi mangsa penipuan.

**Ketiga:** Jadikan ibrah daripada kisah kaum Madyan sebagai peringatan bahawa penipuan dalam perniagaan hanya mengundang azab dan kebinasaan.

Firman Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dalam Surah al-Mutaffifin ayat 1-3:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَيْلٌ لِّلْمُطَفِّفِينَ ۝<sup>١</sup> الَّذِينَ إِذَا أَكْتَالُوا عَلَى النَّاسِ يَسْتَوْفُونَ ۝<sup>٢</sup>  
وَإِذَا كَالُوهُمْ أَوْ وَزَنُوهُمْ يُخْسِرُونَ ۝<sup>٣</sup>

**Maksudnya:** “Kecelakaan besarlah bagi orang-orang yang curang (dalam timbangan dan sukatan), iaitu mereka yang apabila menerima sukatan (gantang cupak) daripada orang lain mereka mengambilnya dengan cukup, dan (sebaliknya) apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka menguranginya.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

2025M/1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ  
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجِ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبِّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ  
وَمَرْضَاتِهِ.

### MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sempena Bulan Integriti Nasional 2025, marilah kita memperkukuh budaya integriti dalam diri, keluarga dan organisasi. Kita tanamkan sifat jujur, amanah dan bertanggungjawab dalam diri masing-masing. Ingatlah bahawa setiap amanah kepimpinan adalah ujian yang akan dipersoalkan di hadapan Allah SWT.

Oleh itu, sama ada sebagai pemimpin keluarga, organisasi atau negara, kita wajib melaksanakannya dengan penuh integriti, menolak segala bentuk rasuah dan penyelewengan. Sesungguhnya kepimpinan yang berteraskan nilai Islam akan membawa keberkatan di dunia dan keselamatan di akhirat.

### Muslimin Yang Dirahmati Allah,

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 3/2024 memutuskan bahawa restoran yang bertanda “free-pork dan no pork no lard”, adalah tidak menepati piawaian halal yang diiktiraf oleh JAKIM. Oleh itu, pastikan kita hanya mengunjungi restoran yang mempunyai logo halal JAKIM yang sah kerana mencari yang halal itu satu kefarduan.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ  
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصِرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ  
مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أُمَّتَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِي يَمِينِ خَافِكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ  
الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا خُصُوصًا وَوَلَايَةَ قُولاو فَيُنْعِجَ آمِنًا مُطْمَئِنًّا  
سَخَاءَ رَحَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ  
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى  
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan  
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka  
Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

## وَكذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato' Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

***“Ya Allah, berilah kekuatan kepada kami untuk menunaikan zakat serta melaksanakan wakaf melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang agar ia menjadi sumber kebaikan dan kemajuan umat Islam di negeri yang tercinta ini.***

***Ya Allah, satukanlah hati-hati kami, tanamkanlah rasa percaya kepada pemimpin kami dan jauhkanlah kami daripada fitnah serta perpecahan. Rahmatilah para pemimpin dan pihak berkuasa agama agar sentiasa Engkau bimbing di atas jalan yang benar.”***

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ!

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ  
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولواو فینخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG